

RENCANA

Atas kecemerlangan mereka, bukan sahaja dalam bidang akademik, malah dari segi sumbangan kepada kerja-kerja kemasyarakatan, dua graduan Melayu/Islam dari Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan (FASS), Universiti Nasional Singapura (NUS) telah diiktiraf dengan Hadiah Rakyat Global Batul Izzuddin. Enik Mohamed Fayyaz Mohamed Faqah dan Cik Nur Aisyah Lyana Mohamed Satria merupakan penerima Melayu/Islam pertama hadiah itu sejak ia diperkenalkan dua tahun lalu. **BERITA HARIAN (BH)** meninjau pengalaman kedua-dua pelajar cemerlang ini serta cabaran mereka sebagai kohort awal program tersebut.

Hadiah Rakyat Global Batul Izzuddin

DIPERKENALKAN pada 2019, Hadiah Rakyat Global Batul Izzuddin diberikan bagi mengiktiraf pelajar Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan (FASS) yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, bahkan menyumbangkan kepada masyarakat.

Sumbangan bernilai \$15,000 oleh ahli akademik, Dr Mustafa Izzuddin, diberi sebagai tanda penghargaan kepada beliau, Cik Femia Fakhruddin, atau lebih dikenali sebagai Batul Izzuddin, yang telah banyak berkorban untuk keluarga ka-

semasa bapanya, tokoh masyarakat Enik Izzuddin Taherally, keluar bekerja.

Dr Mustafa turut menyumbangkan hadiah ini kerana beliau mempunyai kenangan manis sebagai pelajar sains politik di FASS, NUS dari 2001 hingga 2005.

Syarat-syarat layak anugerah ini:

- Hadiah akan diberi kepada dua graduan tahunan yang menerima ijazah kejuruan dan FASS yang juga menunjukkan kecemerlangan akademik serta me-

wali Singapura atau negara asal mereka di pentas global.

- Ia dibuka kepada semua graduan yang meraih keputusan cemerlang kejuruan dari Jabatan Sains Politik yang mengambil jurusan Sains Politik atau Pengajian Global.
- Pelajar yang layak akan menerima hadiah wang tunai sebanyak \$250 serta sijil.
- Sejak diperkenalkan, empat pelajar bukan Melayu/Islam telah menerimanya.



Pelajar Normal atas stereotaip, java raih Kepujian Kelas Satu

SEMANGAT BEMBANTU: Walaupun kini sudah pun mempunyai pekerjaan tetap, Enik Mohamed Fayyaz Mohamed Faqah masih ingin terus membantu dan mendekati masyarakat dengan perannya sebagai pemimpin akar umbi. - Foto BH oleh NUR DIYANA TAHAR

► FAKHURRAZI ISMAIL
mislam@spoh.com.sg

JIKA ada kemahuan, tiada yang mustahil untuk dikecapi. Itulah falsafah yang diterapkan Enik Mohamed Fayyaz Mohamed Faqah, 26 tahun, dalam dirinya sepanjang beliau mengujar kecemerlangan dalam bidang akademik.

Melanjutkan pelajarannya di maktab rendah (JC) tempatan dan kemudian ke Universiti Nasional Singapura (NUS) telah menjadi impian beliau sejak di bangku sekolah menengah lagi.

Namun, Enik Fayyaz sering berdepan dengan stereotaip bahawa saya sering memberitahu saya bahawa ia mustahil bagi pelajar seperti kami untuk masuk ke JC atau NUS dan saya tidak seharusnya menetapkan cita-cita yang terlalu tinggi.

"Sejujurnya, saya juga bukanlah antara pelajar yang paling cemerlang ketika itu,"

"Disebabkan itu, saya sering di-usik dan dibuli oleh rakan-rakan saya dan mereka memandang rendah terhadap aspirasi saya itu," katanya.

Tidak mepedulikan reaksi kurang yakin rakan-rakannya, Enik Fayyaz bertekad untuk mencahar stereotaip itu dan membuktikan kepada mereka yang meragukannya bahawa tanggapan mereka itu tidak tepat.

Beliau meletakkan segala usahanya terhadap Peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'O' bagi meralisaskan langkah pertama impiannya - iaitu memasuki JC tempatan.

Dengan keputusan yang diperolehinya, Enik Fayyaz akhirnya berjaya mendapatkan tempat di Maktab Rendah Yishun.

Dari situ, anak kedua dari tiga beradik itu, terus berusaha dengan lebih gigih lagi agar dapat mencapai cita-citanya untuk melanjutkan pelajaran di NUS.

Namun impian tersebut hampir tidak kesampaian.

Mengosong antara cabaran yang dihadapinya itu, Enik Fayyaz berkata: "Saya telah memohon untuk memasuki NUS tetapi ditolak pada ketika itu dan ia membuat saya berasa sangat kecewa."

"Saya kemudian mendapat tem-

"Pencapaian dan pengiktirafan yang saya terima ini pastinya mendorong saya untuk mengecap kejayaan yang saya impikan dan saya berpendapat bahawa masyarakat telah membantu membentuk diri dan keperibadian saya."

Saya berasa sangat bersyukur kerana tanpa mereka, saya tidak fikir saya dapat berada di mana saya berada hari ini.

Dengan ini juga, ia telah membuat saya lebih bersemangat untuk memberi kembali kepada masyarakat kerana akhirnya, saya adalah hasil sampingan masyarakat."

- Enik Mohamed Fayyaz Mohamed Faqah.

pat di Universiti Teknologi Nanyang (NTU), sambil memberitahu diri saya sendiri bahawa ia adalah satu kenyataan yang perlu saya terima."

Beliau kerap meluangkan masa membantu Anggota Parlimen (AP) GRC Marine Parade, Enik Mohd Fahmi Aliman, yang juga Mayor Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) South East, dalam mendampingi penduduk di kawasan kejiranan itu.

Menurut Enik Fayyaz, pencapaian ini diharapkan dapat memberi inspirasi kepada belia lain dan dirinya untuk terus menyumbangkan kepada masyarakat.

Beliau yang baru bertugas di sebuah syarikat softe berkata: "Pencapaian dan pengiktirafan yang saya terima ini pastinya mendorong saya untuk mengecap kejayaan yang saya impikan dan saya berpendapat bahawa masyarakat telah membantu membentuk diri dan keperibadian saya."

"Saya berasa sangat bersyukur kerana tanpa mereka, saya tidak fikir saya dapat berada di mana saya berada hari ini."

"Dengan ini juga, ia telah membuat saya lebih bersemangat untuk memberi kembali kepada masyarakat kerana akhirnya, saya adalah hasil sampingan masyarakat."

"Dan saya berharap kisah saya ini dapat memberi inspirasi kepada pelajar di luar sana yang mungkin telah berputus asa untuk mencapai impian mereka."

"Saya kini sedang mengusahakan sebuah projek dengan beberapa rakan antarabangsa yang saya kenali menerusi acara UNITE2030 untuk menggunakan seni sebagai medium untuk mempromosikan keamanan dan memperkasakan orang lain."

Ini menggabungkan minat saya terhadap puisi dan seni dengan isu keamanan, pembangunan dan kemanusiaan, dan saya mendapat pandangan yang sangat berbeza tentang isu (contoh, kesaksamaan jantina atau ketidakamanan makanan) daripada rakan-rakan dari seluruh dunia."

- Cik Nur Aisyah Lyana Mohamed Satria.



Pemah siapkan tesis di hospital ketika ayah ibu terima rawatan

TIDAK KENAL ERTI PUTUS ASA: Meskipun permohonan masuk universiti pernah ditolak 32 kali, Cik Aisyah Lyana tidak pernah putus asa dan terus mencuba hingga berjaya meraih ijazah Kepujian Kelas Pertama. - Foto Ihsan NUR AISYAH LYANA MOHAMED SATRIA

piannya untuk menamatkan pengajian dengan markah yang membanggakan dan namanya disertakan dalam Senarai Dekan.

"Saya mempunyai sistem sokongan terkuat daripada keluarga besar dan rakan-rakan saya yang turut untuk menyumbangkan makanan dan sokongan emosi."

"Penyelia latihan sambil bekerja dan profesor saya sangat memahami dan menjangkau tarikh akhir untuk saya menyerahkan esei saya," kongsi.

Menurut Cik Aisyah lagi, ibunya, Cikgu Noor Hasnah, merupakan sumber inspirasi beliau dalam menceburi pengajian dalam bidang Pengajian Melayu.

"Beliau memaparkan isu-isu sukar dalam masyarakat kita melalui karya kreatifnya dan saya mendapat inspirasi untuk melakukan perkara yang sama melalui sajak, cerpen dan pantun."

"Bagi saya, masih terdapat begitu banyak keindahan dan kebijaksanaan dalam budaya, tradisi, dan keusasteran Melayu," ujarnya.

Atas kecemerlangan beliau itu, Cik Aisyah merupakan salah seorang daripada dua graduan FASS NUS yang baru-baru ini turut diiktiraf dengan Hadiah Rakyat Global Batul Izzuddin.

Anugerah tersebut telah memberinya dorongan untuk terus menyumbangkan kepada masyarakat di peringkat global dan tempatan, menurut beliau.

Menyentuh tentang rancangannya selepas menerima ijazah beliau, Cik Aisyah berkata:

"Saya masih ingat lagi waktu itu saya perlu bergeser menyelesaikan tesis saya di hospital sementara menunggu untuk masuk ke wad," ujar beliau.

Namun, keinginan untuk menamatkan pengajiannya di NUS masih terus berapi, lebih-lebih lagi setelah beliau terpaksa menunggu selama hampir dua setengah tahun untuk melanjutkan pelajarannya di universiti.

Disebabkan keputusan GCE Peringkat 'A' yang agak hambar, Cik Aisyah berkata permohonan untuk ke universiti tempatan malupun luar negara telah ditolak sebanyak 32 kali sepanjang tempoh dua setengah tahun itu.

Dengan sistem sokongan yang kuat, beliau bertahan sehingga akhirnya berjaya meralisaskan impi-